



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

28.01.2022

***MSWG ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua pelanggan dan pembaca, semoga tahun ini dilimpahi kegembiraan, kemakmuran dan kemewahan buat anda semua.***

## ❖ **Kebimbangan yang kian memuncak terhadap kesan limpahan daripada Genting HK ke atas Genting Bhd dan Genting Malaysia**

Media pelbagai aliran melaporkan bahawa bilionair Tan Sri Lim Kok Thay telah meletak jawatan sebagai pengurus dan ketua pegawai eksekutif Genting Hong Kong Limited (Genting HK) pada 24 Januari, hanya beberapa hari selepas pengendali pelayaran ini memfailkan untuk menggulung perniagaan berikutan kegagalan mereka mendapatkan pembiayaan untuk membayar hutang. Berita ini benar-benar mengejutkan para pelabur saham Genting Bhd dan Genting Malaysia Berhad, daripada dana asing hingga ke institusi tempatan dan peruncit.

Perkara ini tidak dapat dielakkan walaupun penganalisis saham berpandangan bahawa kemelut dalam Genting HK tidak akan menjadikan syarikat Kumpulan Genting yang lain.

Penganalisis mempunyai tanggapan bahawa operasi perniagaan Kumpulan Genting di Malaysia dan Singapura di bawah Genting, Genting Malaysia dan Genting Singapore Limited, tidak mempunyai pegangan saham bersilang dengan Genting HK kecuali Kok Thay sebagai pemegang kepentingan bersama bagi keempat-empat syarikat. Beliau memiliki 76% kepentingan dalam Genting HK.

Kebarangkalian Kok Thay menyelamatkan Genting HK secara langsung dengan bantuan kewangan daripada entiti dalam Kumpulan Genting nampaknya mustahil. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan mungkin ada usaha gerakan kewangan untuk memulihkan kerugian daripada pelaburan. Ini adalah kerana Kumpulan Genting pernah mengambil langkah dan tindakan yang membangkitkan kemarahan pemegang saham minoriti pada masa lalu.

## **Urus niaga pihak berkaitan dan saham yang dicagarkan**

Mengimbau kembali peristiwa yang berlaku pada Ogos 2019, Genting Malaysia telah melaksanakan urus niaga pihak berkaitan (*related party transaction*, RPT) untuk memperoleh 38% kepentingan dalam Empire Resorts, Inc, sebuah pengendali kasino Amerika Syarikat yang

berdepan kerugian melalui anak syarikat milik penuh tidak langsungnya iaitu Genting (USA) Limited pada harga RM573.2 juta secara tunai daripada pemegang saham kawalannya iaitu Kok Thay (yang sebelum ini memiliki 84% kepentingan dalam Empire Resorts). Tindakan ini mendapat kritikan hebat daripada kalangan pelabur.

Kok Thay merupakan pengurus dan ketua eksekutif Genting Malaysia sebelum beliau dilantik semula sebagai timbalan pengurus dan ketua eksekutif syarikat itu pada Ogos 2020.

Selepas pengumuman dibuat tentang urus niaga tersebut, permodalan pasaran bernilai berbilion ringgit terbang daripada Genting Malaysia apabila ia menghadapi tekanan hebat daripada pelabur untuk menjual. Syarikat induk, Genting Bhd, juga tidak terlepas daripada jualan secara besar-besaran.

Secara kbetulan, penurunan harga jualan ini menandakan langkah pertama penyatuan harga saham jangka panjang untuk Genting dan Genting Malaysia yang diburukkan lagi oleh permintaan yang merudum terhadap perjalanan dan percutian akibat pandemik COVID-19.

Sebaliknya, sejak dari itu kehadiran Empire Resorts telah menjaskas prestasi kewangan Genting Malaysia apabila Kumpulan merekodkan bahagian kerugian dalam syarikat bersekutu berjumlah RM285.1 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Pada tahun kewangan 2019, Kumpulan mengiktiraf bahagian kerugian berjumlah RM31.6 juta selepas selesai pengambilalihan Empire Resorts pada November 2019. Genting Malaysia memiliki 55.7% kepentingan efektif dalam Empire Resorts (*Sumber: Laporan Tahunan 2020 Genting Malaysia*).

Satu lagi perkara yang memerlukan pengawasan teliti ialah jumlah saham yang besar yang dijadikan cagaran oleh Kok Thay untuk tujuan pinjaman. Dilaporkan bahawa hampir kesemua 76% pegangan atau 6 bilion saham Kok Thay dalam Genting HK telah dicagarkan, meningkat daripada 5.5 bilion saham yang dicagarkan oleh beliau pada April 2020 (*Sumber: StarBiz, 22 Ogos 2020*).

Selain itu, menurut laporan tahunan syarikat, beliau juga telah mencagarkan 550 juta sahamnya dalam Genting Bhd (atau 32% daripada pegangannya) berbanding 70 juta setahun sebelumnya pada Mac 2020 (*Sumber: Bloomberg Quint, 20 Ogos 2020*).

Apa yang menarik, Genting Malaysia pernah melabur dalam Genting HK tetapi telah melupuskan pegangannya yang berjumlah 17% pada harga AS\$415 juta pada tahun 2016. Dari tahun 1998 hingga tempoh tersebut, Syarikat telah melabur lebih AS\$750 juta dan membuat rosot nilai lebih RM2 bilion untuk pelaburannya dalam entiti Hong Kong itu, menurut laporan yang disediakan oleh Maybank Investment Bank Research.

### **Kesan domino**

Apabila Genting HK memfailkan pembubaran, bebannya pasti ditanggung oleh pihak bank.

Pada 23 Januari, The Straits Times Singapura melaporkan bahawa tiga bank Malaysia adalah antara pembiutang tidak bercagar utama untuk Genting HK dengan gabungan pendedahan

berjumlah AS\$600 juta. Tiga bank itu disebut sebagai Malayan Banking Bhd (Maybank), CIMB Bank Bhd dan RHB Bank Berhad. Ketiga-tiga bank ini menyatakan bahawa mereka tidak mendedahkan atau mengulas tentang pendedahan mereka kepada pelanggan tertentu.

Maybank menepis dakwaan yang menyatakan ia menghadapi kesukaran kewangan disebabkan pendedahannya kepada Genting HK, dan melabelkan tuduhan itu sebagai "tidak berasas". Bank menegaskan bahawa ia mematuhi prosedur perakaunan yang ketat yang berkaitan peruntukan dan penjejasan pinjaman. Bank juga mempunyai proses pemantauan kualiti aset yang teliti. Peminjam yang mudah terjejas akan dikenal pasti dan diuruskan dengan sewajarnya apabila bank mengesan sebarang potensi kelemahan dalam kualiti aset.

Sementara itu, CIMB Bank menegaskan bahawa ia telah pun mengambil langkah proaktif seperti membuat peruntukan berhemat untuk melindungi kualiti asetnya. Oleh itu, perniagaannya kekal berdaya tahan dan modalnya kekal kukuh.

### **Kesimpulan**

Walaupun kejatuhan Genting HK tidak memberi kesan terhadap pendapatan syarikat Genting yang tersenarai di Malaysia dan Singapura, namun sentimen pasaran menunjukkan sebaliknya. Pemegang saham minoriti dinasihatkan supaya memantau dengan teliti pelaburan mereka dalam syarikat Kumpulan Genting.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 31 Januari hingga 4 Februari 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
31.01.22 (Isnin) 03.00 petang	Serba Dinamik Holdings Berhad (AGM)	Serba Dinamik merekodkan kerugian bersih berjumlah RM185.37 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2021, berbanding RM497.98 juta pada tahun kewangan 2019. Prestasi kewangan yang merosot adalah disebabkan oleh rosot nilai penghutang perdagangan dan penghutang lain serta penurunan nilai inventori.  Perniagaan operasi dan

		penyelenggaraan ( <i>operation and maintenance</i> , O&M) terus menjadi punca pendapatan utama Kumpulan dengan pendapatan segmen berjumlah RM7.39 bilion dan keuntungan segmen berjumlah RM1.238 bilion.
--	--	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Serba Dinamik Holdings Bhd (AGM)	<p>Profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan menunjukkan amaun dibawa berjumlah RM4,534 juta, yang mana RM2,369 juta daripada liabiliti kewangan ini (yang merangkumi 52.2% daripada jumlah liabiliti kewangan Kumpulan) perlu dibayar dalam tempoh kurang setahun. (Halaman 123, Laporan Tahunan).</p> <p>a) Mengapakah terdapat penumpuan yang tinggi dalam jumlah tertunggak kurang dari setahun dalam liabiliti kewangan Kumpulan?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan akan memenuhi obligasi kewangannya iaitu liabiliti kewangan Kumpulan dan Sukuk Wakalah yang perlu dibayar pada tahun 2022?</p>

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaupun bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*